

**AMALAN DAN KEBERKESANAN BIMBINGAN JURULATIH SISC+
DARI PERSPEKTIF GURU BAHASA MELAYU**
*(Practices and Effectiveness of Guidance SISC+ Coaching from
Malay Language Teachers Perspective)*

Sarabiah binti Jusoh
SMK. Miharja, Cheras, Kementerian Pendidikan Malaysia
sarajusoh@gmail.com

Zamri binti Mahamod, Ph.D
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my (Koresponden)

ABSTRAK

Kajian tinjauan melalui soal selidik ini dijalankan terhadap guru-guru bahasa Melayu yang terlibat dengan bimbingan SISC+ di Zon Bangsar dan Pudu. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan bimbingan yang dilaksanakan oleh jurulatih SISC+; dan mengenal pasti keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ terhadap pengajaran guru Bahasa Melayu. Seramai 64 guru daripada 18 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Bangsar dan Pudu telah terlibat untuk menjayakan kajian ini. Kesemua guru Bahasa Melayu ini telah dibimbing oleh SISC+. Data dikumpul secara kuantitatif dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 23.0. Data dianalisis secara deskriptif dengan mencari nilai min, kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan bimbingan dan keberkesanan bimbingan yang dilakukan oleh jurulatih SISC+ adalah tinggi dan berkesan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu yang dibimbing. Implikasi kajian ialah jurulatih SISC+ yang dilantik oleh KPM memberi impak kepada kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah.

Kata kunci: Amalan bimbingan, keberkesanan bimbingan, Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+), guru Bahasa Melayu

PENGENALAN

Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju menjelang tahun 2020.

Kepentingan peranan guru tidak boleh dinafikan, guru bukan saja menjadi pendidik dan pengasas kepada pengetahuan pelajar, tetapi juga menjadi pemimpin, penasihat dan agen perubahan dalam masyarakat. Bidang perguruan tidak terkecuali dalam menerima bahang kepesatan pembangunan negara. Guru di seluruh negara perlu menghayati dan menerima perubahan dan transformasi yang sedang dialami oleh setiap lapisan warganegara masa kini. Perubahan ini merupakan satu cabaran bagi semua guru dan bakal guru. Guru perlu berusaha meningkatkan profesionalisme sebagai guru yang berwibawa dan berketerampilan bagi membentuk anak bangsa untuk membangunkan negara (Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani 2008).

Perubahan semasa memerlukan guru bahasa mempunyai pengetahuan bahasa dan pedagogi yang mantap untuk digunakan di dalam bilik darjah (Zamri 2014). Kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang baik adalah yang berpusatkan pelajar, di samping penyerapan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir dan teknologi maklumat serta komunikasi di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh hal yang demikian, guru bahasa Melayu dan guru-guru mata pelajaran lain perlu mencari pendekatan, kaedah, strategi, dan teknik pengajaran baharu agar pelajar pasca merdeka kini suka akan guru sekali gus pengajaran guru. Pendidikan yang menjurus ke arah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) telah diamalkan di dalam bilik darjah di luar negara seperti Amerika Syarikat dan England sejak tahun 1970-an lagi. Guru dalam perkembangan profesionnya harus menguasai kemahiran pedagogi (Zamri 2014) yang seiring dengan trend perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang terus berkembang. Masalah yang dihadapi oleh para guru kini dalam mengatur pembelajaran sedikit sebanyak telah mempengaruhi minat pelajar dalam pembelajaran sekali gus turut mempengaruhi pencapaian mereka dalam peperiksaan khususnya (Saemah dan Zamri 2017).

Dalam menjalankan proses PdPc di dalam bilik darjah, guru perlu mempunyai pengetahuan yang cukup serta mengemas kini tentang perubahan sukatan pelajaran. Guru harus mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam mengesan masalah-masalah pedagogi yang timbul dalam proses PdPc serta dapat mengemukakan cadangan yang munasabah untuk memperbaiki kelemahan yang dikesan. Antara cara yang boleh dititikberatkan dalam meningkatkan kerjaya sebagai

seorang guru adalah melalui sumber motivasi, peningkatan ilmu dan kemahiran, peka terhadap perkembangan teknologi pendidikan, perkembangan diri secara berterusan, meningkatkan perhubungan interpersonal dan membuat refleksi. Ong Sze Chong, Zamri dan Mohd Izham (2017) menyatakan bahawa tingkah laku pengajaran guru yang serasi atau tidak dengan gaya pembelajaran pelajar boleh menimbulkan kesan positif atau negatif terhadap proses pembelajaran pelajar amnya dan pembelajaran mata pelajaran bahasa khususnya. Ciri-ciri guru merupakan salah satu faktor yang penting dalam mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa (Ong Sze Chong, Zamri dan Mohd Izham 2015).

SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALIST COACHES (SISC+)

Inisiatif Kementerian Pendidikan dalam memperkenalkan program Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah atau *School Improvement Specialist Coaches* (SISC) bagi membimbing guru terpilih dilihat berupaya melahirkan golongan pendidik berkemahiran tinggi selaras perkembangan semasa. Program bimbingan khas kepada guru keperluan tersebut bertujuan menjadikan aspek PdPc di dalam bilik darjah lebih menarik dan berkesan dengan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar. Pada dasarnya, SISC yang sebahagian besarnya dilantik kalangan guru cemerlang telah dimulakan secara berperingkat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dua negeri perintis iaitu Kedah serta Sabah pada 2012.

Melihat kepada keberkesanan program SISC yang telah dijalankan, KPM kemudian mewujudkan jawatan baharu dikenali sebagai SISC+ mulai 2014 dengan pelaksanaan program serupa merangkumi semua negeri di seluruh negara. Peranan utama SISC+ ini adalah memberi latihan terutamanya kepada guru yang lemah ketika proses PdPc dalam kelas merangkumi tiga subjek teras Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Bidang tugas SISC+ adalah untuk membimbing guru berkenaan dalam aspek pedagogi, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) selain menjadi penghubung antara pihak KPM dengan sekolah. Melalui pelaksanaan SISC+ ini, guru didedahkan kepada bimbingan proses PdPc di dalam bilik darjah menjurus kepada pembelajaran abad ke-21 dan bukan kaedah lama yang membosankan seperti menulis dan menerangkan kepada

pelajar secara *talk and chalk* sahaja. Guru-guru juga ditekankan mengenai kaedah yang bukan berorientasikan peperiksaan semata-mata, sebaliknya lebih kepada membimbing mereka melaksanakan PdPc di dalam kelas untuk disesuaikan dengan pendekatan pemikiran inovatif *i-think* dan KBAT (Noel Jimbal & Zamri 2016).

Jurulatih SISC+ membimbing guru-guru terpilih untuk mengikuti program tersebut sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali dalam setahun dan kesan pelaksanaan program itu terhadap guru berkenaan dapat dilihat dengan segera. Melalui bimbingan itu, guru boleh mengetengahkan potensi serta membantu perkembangan minda pelajar melalui sesi soal jawab, malah menjadikan mereka lebih berani untuk berhujah dan memberikan pendapat semasa di dalam kelas. Melalui bimbingan SISC+, guru diterapkan agar dapat menulis objektif pengajarannya supaya tidak lari daripada landasan seterusnya mencapai objektif yang diinginkan. SISC+ akan membimbing guru terpilih untuk melaksanakan KBAT di dalam kelas merangkumi teknik menyoal soalan oleh guru melalui soalan bersifat terbuka seterusnya membolehkan pelajar berfikir, berbincang dan memberi pendapat secara terbuka. Aktiviti perbincangan yang diadakan oleh pelajar itu secara tidak langsung akan menimbulkan proses KBAT di mana mereka akan merangkumkan semua kemahiran dimiliki untuk mencari penyelesaian soalan.

Sistem pembelajaran kini lebih dikenali sebagai pembelajaran abad ke-21. Transformasi pendidikan kepada KBAT adalah sesuai dengan keadaan semasa kerana guru juga berhadapan dengan pelajar yang jauh berbeza dengan pelajar masa lalu. Pelajar kini lebih terdedah dengan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber dan mempunyai kecenderungan untuk mengetahui dan bertanya dengan lebih mendalam. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), guru-guru diberi sokongan dalam bentuk Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) dan bantuan daripada SISC+ untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdPc. SISC+ turut memainkan peranan untuk menggalakkan guru mengetengahkan pendekatan konsep pendidikan abad ke-21 termasuklah kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran komunikasi dan kemahiran untuk hidup.

Senarai tugas SISC+ telah diperkenalkan oleh KPM sejak awal tahun 2011. Guru-guru yang terpilih untuk menyandang jawatan ini sebahagian besarnya terdiri daripada kalangan guru cemerlang. Mereka ini telah menerima latihan dalam bentuk kursus daripada “*master coaches*”. Guru-guru yang telah mendapat latihan ini seterusnya akan ditugaskan untuk memantau sekolah-sekolah yang berprestasi rendah terutama sekolah dalam band 6 dan band 7. Dalam setahun, SISC+ perlu ke sekolah yang dipantau sekurang-kurangnya tiga kali bagi tujuan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pihak sekolah serta memikirkan bentuk intervensi yang diperlukan bagi sekolah terbabit. Dari segi bidang tugas SISC+ berperanan:

Jadual 1. Tugas utama SISC+

Bidang	Tugas
a) <i>Coaching and Mentoring</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Membimbing guru meningkatkan kemahiran dan pengetahuan aspek pedagogi supaya lebih efektif, kreatif dan inovatif. • Mengusulkan KPI mata pelajaran kepada panitia mata pelajaran. • Berperanan sebagai agen perubahan positif dan menjadi pakar rujuk untuk subjek masing-masing. (<i>Subject MatterExpert</i>)
b) Pembangunan Kurikulum	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan dan memberi bimbingan dan kefahaman mengenai dasar dan program KPM seperti MBMMBI, LINUS, KSSR, KSSM, PBS dan lain-lain. • Menyampaikan maklumat terkini mengenai keperluan mata pelajaran dan pelaksanaan penilaian kurikulum dalam bilik darjah. • Mengetahui pasti isu-isu semasa bagi setiap dasar dan program yang berkaitan mata pelajaran masing-masing. • Membincangkan intervensi yang bersesuaian bagi mata pelajaran yang dibimbing.
c) Pelaporan	<ul style="list-style-type: none"> • Melaporkan dapatan penyeliaan dan bimbingan yang telah dilaksanakan kepada Ketua Jurulatih Pendidikan Daerah (KPPD) setiap dua minggu. • Mengadakan format pelaporan dalam buku log pergerakan SISC+ dalam buku panduan.
d) Jaringan	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan perkongsian pintar. • Melaksanakan sesi latihan peningkatan profesionalisme bagi guru-guru yang dibimbing.

Sumber: PPPM 2013-2025 (KPM 2013)

Rumusannya, SISC+ ditubuhkan untuk membantu guru-guru meningkatkan profesionalisme keguruan mereka. Guru cemerlang yang dilantik ke jawatan SISC+ ini perlu memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada guru, terutamanya kepada guru baharu dan mereka yang memerlukan bimbingan dan latihan berterusan.

Hal yang sama juga perlu dilakukan oleh semua guru SISC+ Bahasa Melayu bagi memastikan guru yang dibimbing mencapai kompetensi sebagai guru Bahasa Melayu yang profesional.

PENYATAAN MASALAH

Terdapat rungutan dan keluhan guru-guru tentang masalah yang dihadapi oleh mereka. Sebagai guru Bahasa Melayu yang berwibawa, PdPc Bahasa Melayu pada abad ke-21 ini memerlukan pengorbanan dan keprihatinan guru yang bukan sedikit. Banyak yang diperkatakan tentang perlunya bimbingan pengajaran yang dijalankan untuk memastikan peningkatan pengajaran guru sekali gus meningkatkan prestasi pelajar. Bimbingan yang dilaksanakan ini sedikit sebanyak membantu dalam tugas-tugas penyeliaan pengajaran. Noel Jimbal (2017) menyatakan penyeliaan sebagai satu usaha untuk mendorong, menyelaras dan membimbing para guru Bahasa Melayu dalam hal pengajaran supaya mereka lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran.

Bimbingan merupakan sebahagian daripada proses menolong. Perkara ini melibatkan usaha memberi arahan secara teratur serta mengandungi maklumat sesuai bagi menentukan agar sesuatu matlamat tercapai oleh orang yang menerimanya. Keberkesanan proses PdPc tidak akan berjaya sekiranya guru lebih fokus kepada gaya pembelajaran semata-mata (Zamri et al. 2015). Selain itu, daripada segi penyeliaan pula haruslah membawa perubahan positif atau pembangunan diri dan profesional serta pembaharuan diri pada guru untuk meningkatkan mutu pengajarannya dan seterusnya pembelajaran pelajar. Perkara ini tidak seharusnya merupakan satu kerja untuk memenuhi kehendak pihak atasan atau kehendak dan arahan luar. Dengan erti kata yang luas, bimbingan dan penyeliaan bererti segala kegiatan yang berkaitan dengan usaha untuk memastikan segala tugas dalam satu organisasi berjalan dengan lancar dan menepati objektifnya.

Terdapat pelbagai pendapat dan reaksi daripada guru berkaitan dengan bimbingan yang dilaksanakan oleh jurulatih yang membimbing mereka. Hal ini berkait rapat dengan faktor hubungan dan komunikasi yang dibina oleh jurulatih pembimbing dengan guru yang dibimbing. Menurut Noel Jimbal (2017) dan Sarabiah (2016), kedua-dua pihak perlu mempunyai kesefahaman agar maklumat tersebut dapat

dikongsi bersama. Asas perhubungan interpersonal adalah satu komunikasi untuk menghubungkan antara seseorang individu dengan individu yang memerlukan maklumat tersebut. Komunikasi ini adalah satu proses apabila seseorang individu yang mempunyai kepentingan bagi menyampaikan maklumat secara verbal atau nonverbal yang akan mempengaruhi tingkah laku orang lain. Komunikasi interpersonal amat penting kerana cara kita berkomunikasi dengan orang lain akan mempengaruhi perspektif individu tersebut tentang kita.

Oleh sebab itu, penting dalam berkomunikasi untuk kita mematuhi norma, peraturan dan amalan dalam komunikasi bagi membina hubungan dua hala dengan meramal pemikiran dan perasaan individu yang akan menerima mesej yang disampaikan. Selain itu, komunikasi juga boleh berlaku melalui dua hala yang memerlukan penerima memberi maklum balas terhadap mesej yang diterima. Hal ini bagi memastikan tindakan seterusnya dilakukan dengan betul. Di samping itu, jurulatih SISC+ juga mempunyai kecenderungan untuk menganggap kepakaran yang positif daripada pelanggan utama mereka, iaitu guru-guru sekolah di bawah bimbingan mereka. Harapan guru adalah supaya mereka menjadi pakar rujuk yang dapat membantu guru-guru yang dibimbing menambah baik proses PdPc bertunjangkan perkembangan terkini dalam dunia pendidikan. Oleh sebab itu, jurulatih SISC+ telah didedahkan dan dilengkapkan dengan pedagogi abad ke-21.

Atas kesedaran guru kepada pentingnya bimbingan dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pengajaran di dalam kelas, kebanyakan sekolah yang terlibat dengan bimbingan SISC+ telah menerima baik kedatangan mereka ke sekolah. Namun demikian, perkara yang menjadi tanda tanya adalah berkenaan kefahaman guru-guru yang dibimbing terhadap amalan bimbingan yang dilaksanakan oleh jurulatih SISC+. Strategi selia bantu yang digunakan adalah pendekatan *peer coaching* dengan memberi penekanan kepada peningkatan pengajaran guru. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi menilai amalan dan komunikasi serta hubungan yang terjalin antara pembimbing SISC+ dengan perspektif guru Bahasa Melayu yang dibimbing. Dalam bimbingan yang dijalankan oleh jurulatih SISC+ seharusnya merangkumi kemahiran komunikasi interpersonal.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tugas dan tanggungjawab jurulatih SISC+ dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru bahasa Melayu yang dibimbing oleh mereka. Secara lebih spesifik, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui pasti amalan bimbingan pengajaran yang dijalankan oleh jurulatih SISC+ terhadap guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbingnya.
2. Mengetahui pasti keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ dalam meningkatkan pengajaran guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbingnya.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Menurut Creswell (2008), reka bentuk kajian tinjauan adalah merupakan prosedur dalam kajian kuantitatif, iaitu pengkaji menjalankan tinjauan ke atas sampel atau keseluruhan populasi untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku atau ciri-ciri dalam populasi tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji meninjau aspek penilaian guru-guru bahasa Melayu terhadap bimbingan yang diterima oleh jurulatih SISC+ di Zon Bangsar dan Pudu, Kuala Lumpur.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Menurut Creswell (2008), populasi merupakan sekumpulan individu yang mempunyai ciri dan kriteria yang sama dengan tujuan kajian dijalankan. Sampel pula merupakan subkumpulan daripada populasi sasaran yang ingin dikaji oleh pengkaji dengan tujuan membuat generalisasi ke atas populasi kajian. Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mendapat bimbingan daripada jurulatih SISC+ Bahasa Melayu. Seramai 64 orang guru bahasa Melayu dari Zon Bangsar dan Pudu telah dijadikan sebagai sampel kajian. Kajian ini dibuat dengan melibatkan 64 orang guru dari 18 buah sekolah menengah kebangsaan di Zon Bangsar dan Pudu yang telah dibimbing oleh jurulatih SISC+ Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian telah dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), Standard Guru Malaysia (KPM 2010), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (2010) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (Pemandu 2011). Soalan dalam kajian ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A untuk demografi responden. Bahagian B untuk soalan berkaitan persepsi guru Bahasa Melayu terhadap profesionalisme jurulatih SISC+. Bahagian C untuk amalan bimbingan yang dilaksanakan oleh SISC+ dan Bahagian D untuk soalan berkaitan keberkesanan bimbingan SISC+ terhadap peningkatan pengajaran guru Bahasa Melayu yang dibimbing. Soalan berbentuk skala Likert digunakan untuk mendapatkan darjah persetujuan responden terhadap soalan yang diajukan. Skala Likert 5 mata dipilih berdasarkan kepada kematangan dan kesesuaian dengan tahap intelek responden yang dipilih.

Satu kajian rintis telah dijalankan kepada 25 orang guru yang terlibat dengan bimbingan daripada jurulatih SISC+ Bahasa Melayu. Hasil kajian rintis yang dijalankan, nilai alpha Cronbach untuk Bahagian B ialah 0.719, Bahagian C ialah 0.776 dan Bahagian D ialah 0.814. Mengikut Mohd. Majid (2008), tahap $\alpha = 0.71 - 0.99$ adalah tahap yang terbaik, iaitu item dalam Bahagian B, C, dan D mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Tatacara Pengumpulan Data

Soalan soal selidik telah dihantar sendiri oleh pengkaji kepada wakil responden setiap sekolah sama ada melalui pos atau menghantar terus ke sekolah berkenaan. Di samping itu, pengkaji turut mengambil kesempatan mengedarkan borang soal selidik tersebut ketika menghadiri kursus yang melibatkan semua sekolah di Zon Bangsar dan Pudu. Selain itu, pengkaji turut mengedarkan borang soal selidik melalui e-mel responden dan meminta responden berkenaan menghantar borang jawapan mereka menerusi e-mel juga. Semua borang soal selidik dipungut sendiri oleh pengkaji. Daripada 80 soal selidik yang telah diedarkan, hanya 64 sahaja yang dikembalikan.

Analisis Data

Penganalisan data merupakan proses yang paling utama bagi menjalankan sesuatu kajian. Dalam konteks kajian ini, penganalisan data dilakukan melibatkan data berbentuk kuantitatif. Data yang dikumpul akan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Data yang diperolehi daripada soal selidik akan dianalisis melalui perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Pentaksiran skor min berasaskan Jamil (2002) yang dibahagikan kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Interpretasi min

	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Berdasarkan Dalam Jadual 2, sampel kajian yang terlibat ini terdiri daripada 64 orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah yang dibimbing oleh jurulatih SISC+ di Zon Bangsar dan Pudu sahaja. Profil responden dalam kalangan guru dihuraikan mengikut item yang terdapat di dalam borang soal selidik. Berdasarkan analisis deskriptif yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa bilangan sampel guru lelaki adalah seramai 8 orang dengan (12.5%) guru yang dibimbing oleh jurulatih SISC+, manakala sampel guru wanita adalah seramai 56 orang bersamaan dengan 87.5%. Daripada dapatan tersebut, didapati bahawa bilangan guru perempuan yang dibimbing oleh jurulatih SISC+ melebihi daripada bilangan guru lelaki. Analisis juga mendapati guru Bahasa Melayu yang dibimbing oleh jurulatih SISC+ yang berumur kurang 25 tahun adalah seramai 6 orang (9.4%), 25 hingga 35 tahun seramai 45 orang (70.3%), berumur lingkungan 36 hingga 45 tahun seramai 13 orang, iaitu sebanyak 20.3 %, manakala tiada guru yang dibimbing oleh jurulatih SISC+ yang berumur 46 tahun ke atas dalam sampel kajian ini.

Dari segi kelayakan ikhtisas pula, seramai 7 orang guru yang dibimbing iaitu bersamaan 10.9% yang mempunyai kelulusan Diploma Pendidikan Lepas Ijazah, seramai 50 orang guru (78.1%) guru yang mempunyai kelulusan Sarjana Muda Pendidikan manakala seramai 7 orang, iaitu (10.9%) guru yang memiliki ijazah sarjana pendidikan. Tiada guru yang mempunyai kelulusan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang menjadi sampel kajian. Selain itu, dari segi pengalaman mengajar Bahasa Melayu pula didapati bahawa seramai 51 orang guru (79.7%) yang mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu selama 10 tahun ke bawah dan 13 orang guru (20.3%) yang mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu selama 11 hingga 20 tahun. Tiada sampel yang mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu selama 21 hingga 30 tahun dan juga 31 hingga 40 tahun yang menjadi guru yang dibimbing oleh jurulatih SISC+.

Jadual 2. Profil responden kajian

Kriteria	Kumpulan	Frekuensi	Peratus %
Jantina	Lelaki	8	12.5
	Perempuan	56	87.5
	Kurang 25 tahun	6	9.4
Umur	25 hingga 35 tahun	45	70.3
	36 hingga 45 tahun	13	20.3
	Diploma Pendidikan Lepas Ijazah	7	10.9
Kelayakan	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	50	78.1
Ikhtisas	Ijazah Sarjana Pendidikan	7	10.9
Zon	Pudu	30	46.88
	Bangsar	34	53.13
Pengalaman Mengajar	10 tahun ke bawah	51	79.7
	11 hingga 20 tahun	13	20.3
	Jumlah	64	100%

Tahap Tanggapan Guru-Guru Bahasa Melayu terhadap Profesionalisme Jurulatih SISC+

Analisis data seperti jadual yang terdapat pada Jadual 3 menunjukkan skor min secara keseluruhannya bagi aspek tanggapan guru-guru bahasa Melayu yang dibimbing terhadap profesionalisme jurulatih SISC+ adalah min 4.41, iaitu berada pada tahap tinggi dengan sisihan piawai 0.227. Kesemua item yang terdapat dalam bahagian ini mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu antara 4.266 dengan sisihan piawai 0.445 hingga nilai min 4.55 dengan sisihan piawai 0.502. Bagi item “Jurulatih SISC+ merupakan seorang pembimbing yang baik” mencatatkan sebanyak 68.8% guru yang setuju dengannya, manakala 31.3% lagi mengatakan sangat setuju. Seterusnya bagi item “SISC+ membina hubungan yang baik dengan guru yang dibimbing” mencatatkan sebanyak 73.4% yang setuju dan 26.6% lagi sangat setuju. Item seterusnya yang berkaitan dengan “Jurulatih SISC+ menghormati pandangan guru yang dibimbing sebagai rakan guru” mencatatkan sebanyak 50.0% yang setuju manakala 50.0% lagi sangat setuju. Bagi item “SISC+ bersedia berkongsi pengalaman” mencatat nilai min yang paling tinggi, iaitu sebanyak 4.55 dengan 45.3% mengatakan bersetuju manakala 54.7% lagi sangat bersetuju dengan item ini.

Di samping itu, item “Jurulatih SISC+ berkomunikasi secara terbuka” mencatatkan 65.6% yang bersetuju manakala 34.4% lagi sangat bersetuju. Bagi item “Jurulatih SISC+ berpengetahuan tinggi mengenai dasar pendidikan Malaysia” mencatatkan 65.6% yang setuju manakala 34.4% lagi sangat setuju. Item yang terakhir dalam bahagian ini iaitu “SISC+ berpengetahuan tinggi mengenai pedagogi” mencatatkan 46.9% yang setuju manakala 53.1% lagi sangat setuju dengan item ini. Item yang terakhir ini merupakan item yang mencatat nilai min kedua tertinggi, iaitu sebanyak 4.53. Jadual 3 menunjukkan skor min secara terperinci bagi tahap tanggapan guru bahasa Melayu yang dinilai terhadap profesionalisme jurulatih SISC+.

Tahap Amalan Bimbingan Jurulatih SISC+ dari Perspektif Guru Bahasa Melayu

Analisis deskriptif bagi 10 item dalam aspek amalan bimbingan jurulatih SISC+ secara keseluruhannya menunjukkan nilai min yang tinggi, iaitu sebanyak min 4.37 dengan sisihan

piawai = 0.250. Hal ini menunjukkan penilaian guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbing terhadap tahap amalan bimbingan yang dilakukan oleh jurulatih SISC+ adalah tinggi. Analisis bagi item “Jurulatih SISC+ mengadakan sesi perbincangan dengan guru yang dibimbing selepas memantau proses PdPc di dalam kelas” menunjukkan nilai min yang paling tinggi, iaitu sebanyak 4.53 dengan sisihan piawai = 0.503, manakala nilai min yang terendah dicatatkan pada item “Jurulatih SISC+ memberi maklum balas yang konstruktif terhadap PdPc guru yang dibimbing” dengan nilai min sebanyak 4.28 dan sisihan piawai = 0.519. Secara keseluruhannya, semua item dalam bahagian ini juga menunjukkan nilai min yang berada pada tahap tinggi, iaitu di antara 4.28 hingga 4.53. Bagi item “SISC+ memberi peluang kepada guru yang dibimbing untuk membuat refleksi terhadap PdPc mereka” mencatatkan seramai 37 orang responden yang setuju manakala 24 orang responden lagi sangat setuju dengan kenyataan tersebut.

Namun demikian, terdapat 3 orang responden iaitu 4.7% yang menjawab kurang setuju dengan item ini. Seterusnya, bagi item “SISC+ mendorong guru yang dibimbing untuk meningkatkan profesionalisme guru” menunjukkan seramai 39 orang responden (60.9%) telah menjawab setuju manakala 25 orang responden lagi (39.1%) menjawab sangat setuju dengan pernyataan ini. Selain itu, bagi item 4, iaitu “Jurulatih SISC+ mendorong guru yang dibimbing untuk meningkatkan kualiti PdPc guru” mencatatkan 44 orang responden (68.8%) yang setuju manakala sangat setuju seramai 20 orang responden, iaitu 31.3%. Bagi item “Jurulatih SISC+ memberi sokongan yang diperlukan oleh guru yang dibimbing dalam menghadapi cabaran transformasi pendidikan” menunjukkan seramai 43 orang guru (67.2%) yang setuju manakala seramai 21 orang guru (32.8%) yang sangat setuju. Item seterusnya, iaitu “Jurulatih SISC+ membimbing guru yang dibimbing merancang PdPc yang menyeronokkan dan berkesan” menunjukkan bilangan guru yang setuju adalah seramai 40 orang (62.5%), manakala yang sangat setuju adalah seramai 24 orang (37.5%). Di samping itu, bagi item “Jurulatih SISC+ membimbing guru yang dibimbing membuat penambahbaikan terhadap PdPc” mencatatkan seramai 39 orang guru (60.9%) yang setuju manakala seramai 25 orang guru (39.1%) yang sangat setuju. Seterusnya item “Jurulatih SISC+ sentiasa memberi komen dan ulasan yang membina” menunjukkan

seramai 39 orang guru (60.9%) yang setuju dengan item tersebut, manakala seramai 25 orang guru (39.1%) yang sangat setuju. Bagi item 9, iaitu “Jurulatih SISC+ mengadakan sesi perbincangan dengan guru yang dibimbing selepas memantau proses PdPc di dalam kelas” mencatatkan nilai min yang paling tinggi, iaitu seramai 30 orang guru (46.9%) yang setuju manakala seramai 34 orang guru (53.1%) yang sangat setuju dengannya. Akhir sekali dalam bahagian ini bagi item “Jurulatih SISC+ sentiasa memberikan bimbingan yang berterusan sehingga guru mencapai tahap pencapaian yang ditetapkan” menunjukkan seramai 42 orang guru (65.6%) yang setuju, manakala seramai 22 orang guru (34.4%) yang menjawab sangat setuju. Berdasarkan Jadual 4 ditunjukkan skor min keseluruhan bagi aspek amalan bimbingan jurulatih SISC+ Bahasa Melayu secara terperinci.

Jadual 3. Tahap amalan bimbingan jurulatih SISC+ dari perspektif guru Bahasa Melayu

Bil	Amalan Bimbingan	Kekerapan dan Peratusan					Min	Sisihan Piawai	Tahap
		STS	TS	KS	S	TS			
1	SISC+ memberi maklum balas yang konstruktif terhadap PdPc guru yang dibimbing.	-	-	2 (3.1)	42 (65.5)	20 (31.3)	4.28	0.519	Tinggi
2	SISC+ memberi peluang kepada guru yang dibimbing untuk membuat refleksi terhadap PdPc mereka.	-	-	3 (4.7)	37 (57.8)	24 (37.5)	4.33	0.565	Tinggi
3	SISC+ mendorong guru yang dibimbing untuk meningkatkan profesionalisme guru.	-	-	-	39 (60.9)	25 (39.1)	4.39	0.492	Tinggi
4	SISC+ mendorong guru yang dibimbing untuk meningkatkan kualiti PdPc guru	-	-	-	44 (68.8)	20 (31.3)	4.31	0.467	Tinggi
5	SISC+ memberi sokongan yang diperlukan guru yang dibimbing dalam menghadapi cabaran transformasi pendidikan.	-	-	-	43 (67.2)	21 (32.8)	4.33	0.473	Tinggi
6	SISC+ membimbing guru untuk merancang PdPc yang menyeronokkan dan berkesan.	-	-	-	40 (62.5)	21 (37.5)	4.38	0.488	Tinggi
7	SISC+ membimbing guru yang dibimbing membuat penambah baik terhadap PdPc.	-	-	-	39 (60.9)	25 (39.1)	4.39	0.492	Tinggi
8	SISC+ sentiasa memberi komen dan ulasan yang membina.	-	-	-	39 (60.9)	25 (39.1)	4.39	0.492	Tinggi

9	SISC+ mengadakan sesi perbincangan dengan guru yang dibimbing selepas memantau proses PdPc di dalam kelas.	-	-	-	30 (46.9)	34 (53.1)	4.53	0.503	Tinggi
10	SISC+ sentiasa memberikan bimbingan yang berterusan sehingga guru mencapai tahap pencapaian yang ditetapkan.	-	-	-	42 (65.6)	22 (34.4)	4.34	0.479	Tinggi
Min Keseluruhan							4.37	0.250	Tinggi

Tahap Keberkesanan Bimbingan Jurulatih SISC+ dalam Meningkatkan

Proses Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Analisis data bagi bahagian ini secara keseluruhannya menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi iaitu antara nilai min 4.28 dengan sisihan piawai = 0.453 hingga nilai min 4.44 dengan sisihan piawai = 0.500. Dalam bahagian ini item ketujuh iaitu *“Proses pengajaran dan pembelajaran juga semakin menarik dan tidak membosankan”* mencatatkan nilai min yang paling tinggi berbanding item yang lain iaitu seramai 36 orang guru (56.3%) yang setuju, manakala seramai 28 orang guru (43.8%) yang sangat setuju dengannya. Bagi item terendah namun masih berada pada tahap yang tinggi iaitu *“Saya lebih yakin untuk mengaplikasikan sesi pengajaran di dalam kelas selepas sesi bimbingan”* iaitu seramai 46 orang guru (71.9%) yang setuju, manakala seramai 18 orang guru sahaja (28.1%) yang sangat setuju dengannya. Bagi item *“Proses PdPc saya lebih menarik selepas mendapat bimbingan daripada jurulatih SISC+”* menunjukkan seramai 41 orang guru (64.1%) yang setuju manakala seramai 23 orang guru (35.9%) yang sangat setuju. Seterusnya item *“Pengajaran saya selepas dibimbing SISC+ dapat menarik minat para pelajar”* menunjukkan bilangan guru yang setuju adalah seramai 40 orang (62.5%), manakala yang sangat setuju seramai 24 orang guru (37.5%). Bagi item *“Saya berpuas hati dengan teknik bimbingan yang diberikan oleh jurulatih SISC+”* menunjukkan bilangan guru yang setuju adalah seramai 38 orang (59.4%) manakala sangat setuju seramai 26 orang guru (40.6%).

Selain itu, bagi item *“Saya lebih prihatin terhadap keperluan pembelajaran pelajar-pelajar selepas dibimbing oleh jurulatih SISC+”* pula menunjukkan seramai 44 orang guru (68.8%) yang setuju

manakala seramai 20 orang guru (31.3%) yang sangat setuju. Bagi item “*Saya dapat mengenal pasti kelemahan dalam pengajaran saya selepas mendapat bimbingan daripada SISC+*” menunjukkan bilangan guru yang setuju adalah seramai 41 orang (64.1%) manakala 23 orang guru (35.9%) yang sangat setuju. Item 8, iaitu “*Bimbingan SISC+ memberikan banyak peningkatan positif kepada saya dalam menjalankan tugas sebagai guru bahasa Melayu*” mencatatkan bilangan guru yang setuju dengannya adalah seramai 43 orang (67.2%) manakala yang sangat setuju adalah seramai 21 orang (32.8%). Di samping itu, item “*Saya berjaya mengaplikasikan setiap aktiviti yang disyorkan oleh SISC+*” menunjukkan bilangan guru yang setuju adalah seramai 42 orang (65.6%), manakala 22 orang guru (34.4%) yang sangat setuju. Item terakhir dalam bahagian ini “*SISC+ telah membimbing saya secara profesional*” pula menunjukkan seramai 39 orang guru (60.9%) yang setuju dengan item ini manakala seramai 25 orang guru (39.1%) yang sangat setuju. Nilai skor min keseluruhan dalam bahagian ini adalah sebanyak 4.36, iaitu dengan sisihan piawai = 0.217 menunjukkan bahawa tahap keberkesanan bimbingan SISC+ terhadap pengajaran guru Bahasa Melayu yang dibimbing adalah berada pada tahap yang tinggi. Jadual 5 menunjukkan nilai min secara keseluruhan

Jadual 4. Tahap keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ dalam meningkatkan proses pengajaran guru Bahasa Melayu

Bil	Keberkesanan Bimbingan	Kekerapan dan Peratusan					Min	Sisihan Piawai	Tahap
		STS	TS	KS	S	TS			
1	Saya lebih yakin untuk mengaplikasikan sesi pengajaran di dalam kelas selepas sesi bimbingan	-	-	-	46 (71.9)	18 (28.1)	4.28	0.453	Tinggi
2	Proses pengajaran saya lebih menarik selepas mendapat bimbingan daripada SISC+.	-	-	-	41 (64.1)	23 (35.9)	4.36	0.483	Tinggi
3	Pengajaran saya dapat menarik minat para pelajar selepas mendapat bimbingan SISC+.	-	-	-	40 (62.5)	24 (37.5)	4.38	0.487	Tinggi
4	Saya berpuas hati dengan teknik bimbingan yang diberikan oleh jurulatih SISC+.	-	-	-	38 (59.4)	26 (40.6)	4.41	0.495	Tinggi
5	Saya lebih prihatin terhadap keperluan pembelajaran pelajar selepas dibimbing oleh SISC+.	-	-	-	44 (68.8)	20 (31.3)	4.31	0.467	Tinggi
6	Saya dapat mengenal pasti kelemahan dalam pengajaran saya selepas mendapat bimbingan SISC+.	-	-	-	41 (64.1)	23 (35.9)	4.36	0.483	Tinggi

7	Proses pengajaran semakin menarik dan tidak membosankan.	-	-	-	36 (56.3)	28 (43.8)	4.44	0.500	Tinggi
8	Bimbingan SISC+ memberikan banyak peningkatan positif kepada saya dalam menjalankan tugas sebagai guru Bahasa Melayu.	-	-	-	43 (67.2)	21 (32.8)	4.32	0.473	Tinggi
9	Saya berjaya mengaplikasikan setiap aktiviti yang disyorkan oleh SISC+.	-	-	-	42 (65.6)	22 (34.4)	4.34	0.479	Tinggi
10	SISC+ telah membimbing saya secara profesional.	-	-	-	39 (60.9)	25 (39.1)	4.39	0.492	Tinggi
Min Keseluruhan							4.36	0.217	Tinggi

PERBINCANGAN

Tugas jurulatih SISC+ membantu dan membimbing guru-guru dalam melaksanakan pedagogi yang menarik, kreatif dan inovatif untuk memberikan impak yang lebih berkesan terhadap pembelajaran pelajar. Mereka berperanan sebagai rakan yang bersama-sama membantu menyampaikan maklumat tentang dasar-dasar KPM dan memperkasakan standard guru ke arah pedagogi abad ke-21. Dengan wujudnya persefahaman, jurulatih SISC+ dapat membimbing guru-guru Bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Hal ini bertepatan dengan kajian Noel Jimbal (2017) dan Noel Jimbal dan Zamri (2016) di mana guru-guru bahasa Melayu yang dibimbing bersetuju dengan sikap SISC+ yang sentiasa berkomunikasi secara terbuka dengan mereka.

Di samping itu, kajian ini menunjukkan majoriti guru setuju bahawa jurulatih SISC+ yang membimbing mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai dasar pendidikan di Malaysia dan juga berpengetahuan tinggi dalam aspek pedagogi Bahasa Melayu. Hal ini penting untuk dimiliki oleh setiap jurulatih SISC+ Bahasa Melayu kerana tugas utama yang perlu didukung oleh mereka adalah membantu guru dalam proses PdPc dan membantu meningkatkan pencapaian pelajar. Oleh sebab itu, mereka ditempatkan di sekolah-sekolah yang mencapai band yang rendah, iaitu band 5 atau 6. Jurulatih SISC+ perlu melakukan pemerhatian dan memberi sokongan kepada guru yang dibimbing dan tidak bersifat penilaian prestasi agar proses PdPc guru yang dibimbing lebih efektif di dalam kelas. Dalam masa yang sama, bimbingan ini juga bertujuan untuk membantu mempertingkatkan prestasi sekolah band 6 dan 7 dan seterusnya merapatkan jurang prestasi sekolah.

Jurulatih SISC+ terdiri daripada mereka yang berpengetahuan tinggi dalam aspek pedagogi kerana SISC+ yang dipilih dan dilantik adalah terdiri daripada guru-guru cemerlang Bahasa Melayu. Dapatan ini menyamai kajian Noel Jimbal (2017) yang menyatakan bahawa SISC+ yang membimbing mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang dasar-dasar pendidikan negara dan aspek pedagogi Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jurulatih SISC+ telah mengamalkan amalan bimbingan pada tahap yang tinggi, iaitu dengan jumlah min keseluruhan adalah sebanyak 4.37. Dapatan kajian mendapati bahawa jurulatih SISC+ memberi maklum balas yang konstruktif terhadap PdPc guru yang dibimbing selain daripada memberi peluang kepada guru yang dibimbing untuk membuat refleksi terhadap PdPc mereka. Hal ini bertepatan dengan teori konstruktif dapat membuka ruang serta peluang kepada guru untuk memilih kaedah yang sesuai dalam memperoleh sesuatu konsep dan pengetahuan.

Jurulatih SISC+ telah mengamalkan bimbingan yang memberi peluang kepada guru yang dibimbing untuk menilai pengajaran mereka sendiri sebelum mereka dinilai. Selain itu, dapatan juga menunjukkan kebanyakan responden setuju mengatakan bahawa jurulatih SISC+ mendorong guru yang dibimbing untuk meningkatkan profesionalisme guru selain meningkatkan kualiti PdPc guru serta sentiasa menyokong guru dalam menghadapi tranformasi pendidikan kini. Profesionalisme merupakan salah satu nilai yang menjadi aspek utama bagi mengenal pasti kredibiliti seorang warga pendidik. Seorang guru yang bersikap profesional akan melengkapi segala aspek kualiti yang diperlukan bagi melayakkan dirinya untuk diiktiraf sebagai dinamik dan berkualiber (Zamri et al. 2008).

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap penilaian yang tinggi oleh guru-guru Bahasa Melayu Zon Bangsar dan Pudu yang dibimbing terhadap amalan bimbingan jurulatih SISC+. Kajian menunjukkan paling ramai responden mengemukakan jawapan sangat setuju, iaitu seramai 34 orang (53.1%) kepada amalan bimbingan jurulatih SISC+ yang mengadakan sesi perbincangan dengan guru yang dibimbing selepas memantau proses PdPc di dalam kelas. Sememangnya telah menjadi syarat sebagai seorang pembimbing untuk membuat refleksi selepas proses pemantauan dan bimbingan. Hal ini demikian kerana dalam proses ini, guru-guru akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pengajaran mereka. Melalui dapatan ini, dapatlah

disimpulkan bahawa jurulatih SISC+ yang bertanggungjawab membimbing guru-guru Bahasa Melayu telah menjalankan tugas bimbingan dengan baik dan berkesan. Responden turut bersetuju dengan amalan bimbingan jurulatih SISC+ yang akan memberikan bimbingan yang berterusan sehingga guru mencapai tahap pencapaian yang ditetapkan.

Seterusnya, dapatan kajian turut mendapati bahawa tahap keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ terhadap pengajaran guru-guru Bahasa Melayu adalah sangat tinggi. Sebanyak 56.3% responden yang setuju, manakala 43.8% pula menyatakan sangat setuju proses PdPc mereka semakin menarik dan tidak membosankan. Hal ini menunjukkan bahawa bimbingan jurulatih SISC+ sememangnya berkesan dari segi pelaksanaannya. Hal ini bermakna, guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbing oleh jurulatih SISC+ ini telah dibimbing dengan baik. Guru-guru menerima bimbingan dan tunjuk ajar jurulatih SISC+ yang berkaitan dengan PdPc Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menyamai kajian Noel Jimbal (2017) yang melaporkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu menerima bimbingan dengan baik daripada SISC+ Bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi implikasi positif terhadap kesan bimbingan jurulatih SISC+ terhadap proses penambahbaikan dalam pengajaran guru-guru Bahasa Melayu. Apabila dilihat secara keseluruhan, semua pemboleh ubah dalam amalan bimbingan pengajaran yang dikaji dalam kajian ini berkaitan dengan persiapan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru-guru Bahasa Melayu untuk membolehkan mereka menjadi guru yang berkualiti dan cemerlang. Oleh sebab terdapat perkaitan antara amalan dan pendekatan bimbingan pengajaran oleh jurulatih SISC+ terhadap kualiti pengajaran guru yang dihasilkan, maka satu usaha terancang untuk memberikan pendedahan kepada jurulatih SISC+ dan guru yang dibimbing terhadap setiap aspek amalan dan pendekatan bimbingan pengajaran perlulah dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menyarankan agar pihak Pejabat Pendidikan Daerah hanya memilih jurulatih yang benar-benar komited dalam setiap tugas untuk menjadi jurulatih pembimbing SISC+ agar mereka dapat memberikan komitmen penuh untuk menjayakan bimbingan terhadap guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbing.

Peranan yang dimainkan oleh jurulatih SISC+ memberi pengaruh yang kuat kepada guru-guru bahasa Melayu yang dibimbing kerana mereka menjadi suri teladan dalam pembentukan personaliti guru yang hebat. Jurulatih SISC+ bukan saja memainkan peranan dalam memberi bimbingan dalam PdPc malah membimbing guru-guru yang dibimbing dalam meningkatkan profesionalisme keguruan bagi menyediakan guru yang akan menjadi seorang pengurus dan pentadbir profesional kelas pertama. Bagi merealisasikan hasrat ini semua pihak harus menggalas tugas tidak berbelah bagi untuk melahirkan bakal guru berpekeriti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. Sentimen yang dilafazkan oleh SISC+ ialah perubahan di sekolah dalam kalangan guru bukan bergantung kepada mereka semata-mata. Peranan pihak pentadbir sekolah yang positif kerana mereka mengambil tahu dan memberi dorongan positif kepada guru-guru yang dibimbing oleh SISC+ boleh membantu proses perubahan.

Walau bagaimanapun, penglibatan pihak pentadbir patut mengelak daripada memberi tekanan negatif kerana ini boleh menjejaskan hubungan guru-guru dengan jurulatih SISC+ mereka. Pihak pentadbir boleh memberi dorongan dan motivasi apabila mereka mendapat maklumat tentang perkembangan guru-guru mereka. Pihak pentadbir juga boleh meminta maklum balas daripada guru-guru mereka sendiri dan daripada SISC+ serta membuat pemerhatian mereka sendiri tentang suasana pembelajaran di dalam kelas.

Sebagai kesimpulan, kajian ini menghasilkan maklumat mengenai keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ terhadap guru Bahasa Melayu di sekolah. Maklumat ini boleh memberi panduan kepada pihak pentadbir untuk menambah baik program bimbingan yang dilaksanakan. Untuk kajian akan datang dicadangkan penyelidik melihat setiap pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program bimbingan ini, iaitu pentadbir sekolah, pihak pejabat Daerah, jurulatih pembimbing dan guru yang dibimbing bagi memperoleh maklumat yang menyeluruh dan boleh digunakan untuk diguna pakai oleh seluruh sekolah yang terlibat dengan bimbingan jurulatih SISC+.

Dicadangkan juga kajian secara temu bual kepada guru-guru yang dibimbing oleh jurulatih SISC+ selain daripada merakam sesi pengajaran sebelum bimbingan dan juga selepas menerima bimbingan daripada jurulatih SISC+. Selain itu, kajian berkenaan pencapaian pelajar dalam peperiksaan selepas guru mengaplikasikan teknik bimbingan SISC+ mungkin boleh dikaji. Hal ini selaras dengan objektif bimbingan jurulatih SISC+ yang inginkan perubahan kepada proses PdPc, di samping meningkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

RUJUKAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Retrieved Jun 13 Mei 2018, from <http://www.sumberpemandu.gov.my>.

Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 2nd Edition. New Jersey: Pearson-Merill Prentice Hall

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Mohd Majid Konting. (2008). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noel Jimbai anak Balang & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi dan Proses Bimbingan SISC+ terhadap Guru-Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 11: 90-103.

Noel Jimbai anak Balang. (2017). Penerimaan Guru-Guru Bahasa Melayu terhadap Bimbingan dan Mentoran *School Improvement Specialist Coach* (SISC+) Daerah Selangau. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2016). Ciri Keperibadian dan Motivasi Guru Cemerlang Bahasa Melayu Sekolah Menengah di Negeri Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPG Kampus Sarawak, Miri*, 12: 63-76.

Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 93-108.

- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Mengoptimumkan Pembelajaran Pelajar*. (Pnyt.). Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarabiah Jusoh. (2016). Keberkesanan Bimbingan SISC+ dari Perspektif Guru Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. (2008). *Profesionalisme Guru Novis: Model Latihan*. Bangi; Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2017). *Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

